

## CONFLICT OF MEDICAL SCIENCE: BETWEEN THE PROCEDURE AND ILLUMINATI AGENDA

### KONFLIK SAINS PERUBATAN: ANTARA KEMASLAHATAN DAN AGENDA ILLUMINATI

Zulkiflee Haron<sup>i</sup>, Aminudin Hehsan<sup>ii</sup>, Juhazren Junaidi<sup>iii</sup>, Farahwahida Mohd Yusof<sup>iv</sup>, Zilal Saari<sup>v</sup>,  
Zulkifli Ahmad<sup>vi</sup> & Mohd Khairul Abdullah Halim<sup>vii</sup>

<sup>i</sup> Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi, UTM, Malaysia. zulkiflee@utm.my

<sup>ii</sup> Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi, UTM, Malaysia. ahehsan@utm.my

<sup>iii</sup> Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi, UTM, Malaysia. juhazren@utm.my

<sup>iv</sup> Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi, UTM, Malaysia. farahwamy@utm.my

<sup>v</sup> Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi, UTM, Malaysia. zilal@utm.my

<sup>vi</sup> Pascasiswazah, Fakulti Sains, UTM, Malaysia.

<sup>vii</sup> Pascasiswazah, Fakulti Komputeran, UTM, Malaysia.

<p><b>Abstract</b></p>	<p><i>The world of medicine has grown rapidly in line with the development of science and technology today. As a result of the integration of medical science with this science and technology, humans have benefited greatly in health. Many diseases that were previously difficult to treat but today are controlled. However, at the same time, the concepts and philosophies of modern medicine have been found to have been misled by irresponsible people in order to achieve certain goals. The agenda towards achieving the New World Order (NWO) pioneered by the Illuminati is seen not only taking advantage of controlling companies with modern medical technology to profit by selling drugs but using modern medical technology to create new diseases and epidemics for killing innocent human beings. There are 3 objectives to be achieved through this writing. First, to evaluate the hidden agenda of Zionists / Illuminati through the modern medical world. Second, to know the benefits of modern medical sciences for humans and finally attitudes that Muslims should take, especially when there is a good clash of modern medical sciences today. Methodology used was document analysis, where the data was collected from books and journal articles. The research findings show that the clash between the benefits of modern medical science and the irresponsible agenda behind this modern medical technology have led to conflicts over Muslims. Thus, some attitudes have been identified which can be taken when dealing with this problem. Among them is the need to take moderation (wasatiyyah) and through it Muslims today can take advantage of modern science medicinal knowledge even though it is pioneered by non-Muslims. Muslims are also obliged to advance themselves and need to be comparable to the West, especially in the field of medical sciences so that we are not disgraced and even deceived by the West. As appropriate, Muslims must be able to distinguish between conspiracy and capitalism involving drugs with a science or technology that is beneficial to humans. In addition, it is also wise to take action in order not to lose from the mastery of knowledge and health benefits.</i></p> <p><i>Keywords: Medicine, science, technology, illuminati, modern, medicine and health.</i></p>
<p><b>Abstrak</b></p>	

*Dunia perubatan telah berkembang pesat selari dengan perkembangan sains dan teknologi pada hari ini. Hasil daripada integrasi ilmu perubatan dengan sains dan teknologi ini, manusia telah mendapat banyak manfaat khususnya dalam bidang kesihatan. Banyak penyakit yang dahulunya sukar dirawat namun pada hari ini berjaya dikawal. Walaubagaimanapun, dalam masa yang sama, konsep dan falsafah ilmu perubatan moden ini didapati telah diseleweng oleh mereka yang tidak bertanggungjawab demi mencapai matlamat tertentu. Agenda ke arah mencapai New World Order (NWO) yang dipelopori oleh pihak Illuminati dilihat bukan sahaja mengambil kesempatan dengan mengawal syarikat-syarikat yang mempunyai teknologi perubatan moden untuk mengaut keuntungan dengan menjual ubat-ubatan malah menggunakan teknologi perubatan moden untuk mencipta penyakit serta wabak baru untuk membunuh manusia yang tidak berdosa. Terdapat 3 objektif yang akan dicapai melalui penulisan ini. Pertama, menilai agenda tersembunyi Zionis/Illuminati melalui dunia perubatan moden. Kedua, mengetahui manfaat ilmu sains perubatan moden untuk manusia dan ketiga sikap yang perlu diambil oleh umat Islam khususnya apabila berlaku pertembungan baik buruk sains perubatan moden hari ini. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen, di mana data dikumpulkan daripada buku dan artikel jurnal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pertembungan antara manfaat ilmu perubatan moden dengan agenda pihak tidak bertanggungjawab di sebalik teknologi ilmu perubatan moden ini menyebabkan timbulnya konflik terhadap umat Islam. Oleh itu, beberapa sikap telah dikenalpasti yang boleh diambil ketika berhadapan dengan masalah ini. Antaranya ialah keperluan mengambil sikap bersederhana (wasatiyyah) dan melaluinya umat Islam hari ini boleh mengambil kebaikan daripada ilmu perubatan sains moden walaupun ia dipelopori oleh golongan bukan Islam. Umat Islam juga wajib untuk memajukan diri dan perlu setanding dengan Barat khususnya dalam bidang ilmu perubatan supaya kita tidak direndah-rendahkan bahkan ditipu oleh Barat. Selayaknya, umat Islam mesti berupaya untuk membezakan antara konspirasi dan kapitalisme yang melibatkan ubat-ubatan dengan sesuatu ilmu atau teknologi yang bermanfaat untuk manusia. Di samping itu, perlu juga bijak dalam mengambil tindakan agar tidak rugi dari aspek penguasaan ilmu dan manfaat kesihatan.*

*Kata Kunci: Perubatan, sains, teknologi, illuminati, moden, ubatan dan kesihatan*

## **PENDAHULUAN**

Perkembangan sains dan teknologi dewasa ini menjadi sangat bermakna kepada manusia apabila lebih banyak manfaat dan kebaikan diperolehi. Hasil integrasi sains dan teknologi dengan perubatan moden hari ini menjadikan ilmu perubatan lebih efektif terutama dari aspek menjaga kesihatan. Kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa dengan kecanggihan dunia perubatan kini, pelbagai masalah kesihatan terutamanya penyakit-penyakit kronik yang dahulu sukar untuk dirawat namun mampu dirawat dengan bantuan sains perubatan moden ini. Inovasi perubatan hari ini telah mencatat sejarah yang tersendiri dan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa.

Menerusi peralatan teknologi perubatan yang canggih seperti penggunaan laser bagi rawatan mata rabun, penghasilan jantung mekanikal dapat membantu merawat pesakit bahkan pelbagai peralatan canggih yang lain telah dihasilkan dan digunapakai khususnya dalam dunia perubatan. Selain itu pelbagai ubatan berjaya dihasilkan seperti vaksin untuk mencegah penyakit berjangkit yang merbahaya, pemindahan organ serta

rawatan bagi penyakit kronik seperti barah dan kanser semakin bertambah maju sekaligus memberi manfaat bagi mengubati dan meningkatkan kualiti kesihatan manusia.

Di samping kemajuan yang dicapai dalam bidang teknologi perubatan, aspek penting lain yang perlu diperhatikan ialah situasi dan cabaran semasa masyarakat dunia sekarang ini, khususnya di negara majoriti umat Islam. Peperangan, huru-hara, pergaduhan dan kekacauan berlaku hampir di seluruh negara umat Islam. Hal ini sangat berkaitan dengan agenda dan strategi musuh-musuh Islam yang sentiasa berusaha untuk menjadikan umat Islam berpecah belah dan saling bermusuhan agar kewujudan bangsa mereka yang terpilih sahaja yang menguasai dunia ini. Islam dan umat Islam sentiasa dimusuhi kerana dianggap sebagai penghalang bagi merealisasikan impian mereka. Pertembungan ini dapat diujahkan sebagai sejarah lampau awal penciptaan manusia dengan janji musuhnya Iblis untuk memperdaya dan menyesatkan umat manusia umumnya dan Islam khususnya. Sehubungan ini al-Quran menjelaskan:

﴿وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ﴾

Maksudnya : *“Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam," maka sujudlah mereka kecuali Iblis. Dia enggan dan takabur dan adalah dia termasuk golongan orang-orang yang kafir”* (Al-Quran. Al-Baqarah: 34)

Petunjuk wahyu tersebut menjelaskan bagaimana keangkuhan dan kekufuran Iblis untuk tunduk hormat kepada Nabi Adam (manusia). Ketika Iblis dikenakan hukuman oleh Allah SWT, maka Iblis berjanji dan bersumpah untuk memerangi dan menyesatkan umat manusia hingga hari Kiamat. Illuminati dan Freemason adalah dua daripada pelbagai organisasi yang menjadi penegak menjayakan matlamat Iblis dan Syaitan (Jerry D. Gray, 2016: 184).

Mereka percaya hanya menerusi agenda perjuangan mereka ini, dapat mengubah ketetapan perancangan Allah SWT. Penentangan terhadap agama Allah SWT terus menerus dilakukan dengan merancang berbagai agenda untuk memusnahkan umat Islam yang patuh dan taat. Hal ini bertujuan demi menjaga kepentingan mencapai matlamat mendominasi dunia. Namun kenyataannya, mereka hanya diperdaya sehingga sampai waktunya, mereka pasti ditinggalkan dan akan menghadapi bala seksaan Allah SWT.

Menerusi matlamat memusnahkan umat Islam khususnya dan umat manusia lain selain mereka umumnya, Illuminati dan Freemason mempunyai agenda yang tersendiri iaitu; mengawal populasi penduduk dunia melalui “New World Order”. Ketika sumber alam dan tenaga dunia semakin berkurangan, persaingan dan perebutan untuk menguasai sumber-sumber ini akan menjadi semakin sengit. Oleh itu, antara rencana yang perlu dijayakan adalah menghapuskan bangsa-bangsa yang dianggap tidak perlu dan lemah. Slogan “New World Order” atau “Pemerintahan Dunia Baru” sudah diterapkan ketika pemerintahan Bush lagi bagi menerangkan keadaan berakhirnya perang dingin. Ia juga sudah lama digunakan pada zaman Republik dan tertulis dalam lambang Amerika Syarikat sebagai moto “Novus Ordo Seclorum”<sup>1</sup> (Jerry D. Gray, 2015: 105). Pemerintahan Dunia Baru sebagai sebuah organisasi sudah lama wujud melalui pimpinan Illuminati dan dibantu oleh Freemason. Anggota organisasi ini terdiri daripada organisasi dunia seperti PBB, IMF, WHO, dan lain-lain lagi.

Pengaruh organisasi Illuminati dalam mengawal populasi penduduk dunia antaranya diterapkan melalui bidang perubatan WHO. Beberapa gerakan yang telah dilakukan oleh Illuminati melibatkan kesihatan adalah seperti; (i) memberi sokongan dan membenarkan penggunaan ubat-ubatan dan vaksin yang memberi kesan jangka panjang; (ii) melaksanakan kematian 3 bilion manusia pada tahun 2050 dengan mewujudkan penyakit ke seluruh dunia; dan (iii) melahirkan generasi muda yang gemar meminum arak dan dadah (Jerry D. Gray, 2015: 131). Ketika pelbagai kajian mengenai perubatan telah mendedahkan keburukan mengenai ubat-ubatan berbahaya, arak dan dadah namun syarikat-syarikat yang mendominasi tetap bebas mengaut keuntungan

yang banyak. Seperti tiada apa-apa tindakan yang dikenakan kepada mereka sedangkan jelas mereka menjadi hebat dan dihormati kerana merosakkan kesihatan manusia. Penyebaran penyakit berjangkit seperti AIDS disebabkan virus HIV telah membunuh ramai bangsa afrika dan kulit hitam. Seperti yang dilaporkan, dianggarkan seramai 30 hingga 75 juta orang telah dijangkiti virus AIDS (Jerry D. Gray, 2015: 80). Apakah tindakan yang dilakukan dunia dalam membendung penyakit ini? Realiti ini seolah-olah membiarkan kematian bangsa kulit hitam tanpa apa-apa tindakan wajar yang diambil.

Penulisan ini bertujuan menyoroti beberapa aspek berkaitan bidang perubatan moden yang mengandungi nilai manfaat dalam memelihara kesihatan dan merawat penyakit. Pelbagai penemuan dan pencapaian kaedah saintifik dan teknologi canggih dalam perubatan memudahkan lagi proses rawatan. Namun realiti campurtangan golongan yang berautoriti perlu dikaji kerana matlamat mendominasi akan menafikan masalah umum demi menjaga kepentingan peribadi mereka yang turut mempengaruhi bidang perubatan ini. Oleh itu, matlamat dan kaedah dalam perubatan perlu diutamakan sesuai dengan tuntutan Islam yang menekankan nilai kebaikan dan menolak kemudharatan yang terhimpun dalam maqasid syariyyah. Maksud perubatan menurut Islam perlu dicermati agar dalam proses mendapatkan rawatan dan mengharapkan kesembuhan menjadikan manusia lebih baik dalam memelihara hubungan terhadap pencipta, manusia dan alam semesta. Prinsip-prinsip utama yang dapat memelihara diri dalam menghadapi konflik atau isu dalam perubatan perlu diteliti agar matlamat kesembuhan yang diharapkan tidak mengundang kemudharatan yang lebih besar yang mengancam nyawa bahkan akidah juga.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan dengan melakukan analisis kandungan terhadap sumber literatur seperti teks al-Quran dan hadis, buku-buku, jurnal dan literatur lain berkaitan. (AS Long, 2006: 26). Metode ini disebut sebagai penentuan subjek dengan data atau fakta yang ditemui dianalisis menggunakan pendekatan induktif atau deduktif. Induktif adalah analisis suatu fakta atau hal-hal khusus masalah perubatan moden dan agenda illuminati yang dinyatakan kepada kesimpulan umum. Manakala deduktif pula merujuk kepada cara meneliti pernyataan umum perkara halal atau dakwah dianalisis kepada kesimpulan khusus. Metode ini penting dalam kajian ini terutama apabila berkaitan dengan nas, teori atau gagasan idea bagi menilai atau membandingkan idea atau fakta tersebut untuk diterima atau ditolak (MB Miles and MHuberman, 1984:130-134).

### **KONSEP ILMU SAINS PERUBATAN MODEN**

Ilmu perubatan moden sebagai suatu disiplin ilmu lebih mudah dikenali menerusi kaedah rawatan yang dihasilkan berdasarkan kajian selain menggunakan peralatan-peralatan yang canggih dan terkini. Sebaliknya disiplin ilmu dalam Islam lebih menekankan nilai kebaikan dan menjaga masalah umum dalam matlamat dan cara. Setiap ilmu itu perlu berdasarkan kepada prinsip menjaga hubungan dengan pencipta, manusia dan alam semesta. Beberapa kriteria perubatan dalam Islam adalah seperti berikut:

- 1) Ilmu dan amalan yang boleh memberi perkhidmatan kesihatan yang cemerlang kepada semua golongan tanpa mengira bangsa, agama dan kedudukan.
- 2) Matlamat dan kaedah mesti tunduk dan patuh kepada nilai akidah, syariah dan akhlak dan bagi pengamalannya pula perlu memiliki ilmu dan kepakaran dalam perubatan disamping memelihara nilai Islam, iman dan ihsan.
- 3) Amalan perubatan haruslah patuh kepada undang-undang syaria'ah Islam dan negara dalam kaedah dan cara perubatannya.
- 4) Perubatan dalam Islam mengutamakan nilai memelihara akidah dan menolak unsur kesyirikan dalam matlamat dan kaedah yang dilaksanakan.

Sekiranya, menepati kesemua kriteria yang tersebut, maka apa pun pendekatan dengan sandaran nama yang berbeza-beza diterima sebagai ilmu perubatan Islam yang harus dipelajari dan dikuasai oleh umat Islam sebagai salah satu tuntutan Fardhu Kifayah. Bahkan jelas dalam catatan sejarah Islam merakamkan bahawa bidang ilmu perubatan sudah dipelopori oleh ramai sarjana Muslim antaranya Ibnu Sina, al-Razi, Ibnu al-Nafis dan lain-lain lagi. Tidak menjadi kesalahan untuk sesiapa sahaja mengamalkannya, malah disarankan dan digesa oleh ulama dan ilmuwan untuk mempelajari ilmu perubatan ini seiring dengan bidang ilmu keagamaan seperti ilmu akidah, fekah, tafsir, hadis dan lain-lain (Ismail Saad, 1992).

Umumnya, masyarakat mengenali ilmu perubatan yang diamalkan di hospital adalah perubatan moden dan perubatan Islam hanya merujuk kepada perubatan yang diamalkan oleh para ustaz dan agamawan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau ruqyah. Sehubungan hal ini, jelas mengisyaratkan bahawa berlaku kekeliruan kefahaman mengenai maksud ilmu perubatan di peringkat awal lagi. Mengubah persepsi masyarakat mengenai maksud sebenar perubatan Islam memerlukan khidmat yang besar dan mungkin akan mengundang perbalahan terutamanya golongan sekular di luar sana. Oleh yang demikian, kertas kajian ini mengambil pilihan untuk merujuk ilmu perubatan moden yang diamalkan di hospital menggunakan kaedah dan peralatan yang terkini.

Kita tidak dapat menafikan bahawa ilmu sains perubatan moden hari ini telah memberi banyak manfaat terutamanya kepada masyarakat dunia umumnya serta umat Islam khususnya. Sedar mahupun tidak, dengan kecanggihan teknologi yang ada pada hari ini, ilmu perubatan juga turut diintegrasikan bersama-sama dan hasilnya, pelbagai peralatan serta ubatan moden berjaya dihasilkan untuk membantu pesakit-pesakit kronik khususnya.

### **Teknologi Perubatan Lasik**

Kecanggihan ilmu perubatan telah menjadikan hidup manusia lebih selesa dan mudah. Penyakit yang diubati lebih cepat sembuh dan kesannya dapat dilihat dalam jangkamasa yang sekejap. Keadaan ini menjadikan perubatan menggunakan teknologi ini lebih diminati dan dipercayai oleh masyarakat berbanding dengan kaedah alternatif lain walau mahal bayarannya.

Sebagai contoh, teknologi laser telah digunakan dalam proses pembedahan mata dan juga untuk membaiki rabun jauh dan dekat. Kaedah ini dikenali sebagai pembedahan lasik dan ia sangat popular di dunia pada masa sekarang. Pembedahan lasik ini hanya mengambil masa 3-5 minit, kebiasaan hasilnya selepas beberapa minggu rabun sudah hilang dan tidak perlu lagi memakai kacamata. Mereka yang mempunyai rabun sangat tinggi juga boleh hilang hanya dengan beberapa minit pembedahan laser. Oleh itu, ilmu teknologi terkini ini telah membantu ramai orang untuk menjadi lebih sihat dalam jangkamasa yang sekejap.

### **Teknologi Jantung Tiruan**

Dalam menghubungkan beberapa contoh perubatan dunia dalam teknologi peralatan, kajian ini memilih perihal serangan jantung yang menjadi pembunuh nombor satu di dunia. Walaupun tidak dalam kajian terperinci namun boleh dijadikan sebagai contoh untuk memahami manfaat dan kebaikan serta sumbangan teknologi ini dalam bidang sains perubatan terhadap masyarakat. Nabi Muhammad saw menjelaskan tentang kepentingan jantung kepada seluruh jasad manusia:

{ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ }

Maksudnya: "Ketahuilah, sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal daging, jika segumpal daging itu baik, maka akan baik seluruh tubuh manusia, dan jika segumpal daging itu buruk, maka akan buruk seluruh tubuh manusia, ketahuilah bahwa segumpal daging itu adalah hati manusia" (Riwayat Bukhari, no. Hadis 50; Riwayat Muslim, no. 2996).

Jantung sebenarnya adalah organ yang berfungsi seperti sebuah pam yang menghantar darah ke seluruh badan. Darah yang kaya dengan oksigen ini akan digunakan oleh otot badan sebagai bahan bakar untuk setiap pergerakan manusia. Di dalam maksud hadis yang tersebut merujuk kepada segumpal daging, iaitu organ jantung yang menjadi sebahagian daripada otot di dalam badan manusia. Maka sekiranya fungsi jantung itu dapat berfungsi dengan baik, maka sistem tubuh badan kita akan baik, dan begitu juga sebaliknya. Walaupun kebanyakannya berpandangan bahawa ia adalah hati namun terdapat juga pengkaji hadis menafsir hadis ini dengan merujuk kepada organ jantung manusia.

Jantung antara ciptaan Allah SWT yang sangat kompleks dan istimewa. Bagaimana jantung ini boleh mengepam darah ke seluruh tubuh badan dan menggerakkan anggota badan dengan setiap kali denyutannya. Beberapa fakta mengenai jantung dan fungsinya seperti berikut:

- 1) Di dalam sistem salur darah kita (termasuk arteri, vein dan kapillari) adalah melebihi daripada 60,000 batu panjangnya. Perbandingan jarak tersebut menyamai dengan mengelilingi bumi ini sebanyak dua kali.
- 2) Jantung orang dewasa, mengepam darah sebanyak 2,000 galon sehari.
- 3) Dalam sehari, jantung berdegup sebanyak 100,000 kali dan purata degupan jantung bagi mereka yang berumur 70 tahun adalah melebihi 2.5 billion kali.
- 4) Darah yang dipam oleh jantung akan mengambil masa selama 20 saat sahaja untuk sekali pusingan sistem kardiovascular.

Pencapaian teknologi terkini berkaitan organ manusia adalah jantung tiruan. Kebaikan jantung tiruan sangat bermakna kepada mereka yang mengalami masalah jantung, terutama bagi yang memerlukan pemindahan jantung dengan segera. Untuk mendapat jantung baru bukan suatu perkara yang mudah, bahkan tidak ramai orang yang mahu menderma jantung walaupun dalam kes mereka yang sudah meninggal dunia. Sekiranya ada yang sanggup untuk menderma setelah meninggal dunia, belum tentu jantung tersebut sesuai dengan tubuh badan penerima. Oleh itu, teknologi jantung tiruan ini dapat menyumbang dan membantu untuk meneruskan kehidupan sementara menunggu penderma yang sesuai.

Walaupun jantung tiruan mempunyai kebaikan namun tidak dapat dinafikan terdapat juga keburukan rekaan teknologi jantung tersebut. Oleh kerana, ia dikawal dengan sistem elektronik untuk mengepam darah, jadi sumber kuasa menjadi masalah kepada penggunaannya. Ia perlu dicas untuk memastikan jantung tiruan tersebut dapat berfungsi dengan sebaiknya. Terdapat dua jenis jantung tiruan yang terkenal iaitu AbioCor dan CardioWest. Pengguna AbioCor perlu memastikan ianya dicas dengan pengecas bermagnet. Manakala CardioWest pula disertakan dengan sumber kuasa luaran, untuk memastikan ia mudah alih bertujuan agar pengguna dapat melakukan aktiviti-aktiviti harian tanpa masalah. Selain daripada itu, sistem elektronik pada jantung ini sudah pasti tidak boleh terkena dengan air dan boleh rosak. Kebanyakan pengguna perlu memastikan tidak terlibat dengan aktiviti berenang, dan tidak boleh terkena hujan yang lebat. Di samping itu, kosnya juga sangat mahal kerana pembedahan bagi menggantikan jantung tiruan ini menjangkau kos hingga RM500,000.

Pembedahan untuk jantung tiruan ini dilakukan kali pertama pada pertengahan tahun 2001 dan setelah itu banyak kejayaan telah dilakar dengan penemuan teknologi ini. Di Malaysia juga pernah dilakukan pembedahan kali pertama pada tahun 2007. Penggunaan jantung mekanikal yang dapat membantu pesakit jantung untuk terus hidup sebelum digantikan semula dengan jantung semulajadi. Terdapat satu kes yang dikendalikan oleh Institut Jantung Negara (IJN) dan penerima pertama di Asia iaitu Muhammad Fikri Norazmi. Kes ini dilaporkan (Utusan Online, 21-10-2012), jantung mekanikal yang pertama seberat 9kg sebelum diberikan "Heart Mate II" pada 2010 dan "HeartWare" pada tahun 2011 yang lebih ringan dan mesra pengguna. Pencapaian yang terkini, Mohd Hamirul Mohd Rosdi (19) dari Dungun, Terengganu juga menerima alat

bantuan jantung mekanikal iaitu Ventricular Assist Device (VAD) setelah disahkan yang kedua-dua injap jantungnya bocor. Kos untuk pemasangan VAD ini menelan jumlah kos hingga mencapai jutaan ringgit.

### **Teknologi Vaksinisasi**

Dunia perubatan hari ini telah berjaya mengawal dan membasmi beberapa penyakit yang berbahaya dengan terciptanya vaksin. Ia berasal dari bahasa Latin *vacca* (sapi) dan *vaccinia* (cacar sapi). Penghasilan vaksin adalah melalui struktur mikro-organisma atau virus yang dilemahkan dan digunakan bagi merangsang imuniti dalam badan manusia bagi mengelakkan penyakit berjangkit yang berbahaya. Dewasa ini, kebanyakan vaksin sudah dikombinasikan dengan menggabungkan beberapa jenis vaksin dalam satu suntikan untuk melindungi manusia daripada beberapa jenis penyakit. Ini menjadikan proses vaksinisasi lebih praktikal dan selamat. Di Malaysia, immunisasi mencegah cacar telah bermula pada tahun 1868 dan dipergiat lagi pada tahun 1950-an. Manakala, pada tahun 1990-an, vaksin untuk difteria dan tetanus pula diperkenalkan. Sehingga kini, vaksinisasi masih diteruskan secara tersusun oleh Kementerian Kesihatan Malaysia KKM (Azimah et al. 2015).

Menerusi program imunisasi, banyak penyakit berjangkit yang berbahaya seperti polio, tetanus, difteria dan sebagainya telah berjaya dikurangkan malah ada yang dihapuskan. Menurut laporan (i-medik Kelantan), antara penyakit yang berjaya dibasmi menerusi vaksin ialah *smallpox* yang menyebabkan parut dan buta bagi mereka yang dijangkitinya. Penyakit ini adalah di antara penyakit yang tiada rawatan dengan kadar kematian yang tinggi telah berjaya dibasmi pada tahun 1980 di seluruh dunia. Manakala, penyakit polio di Malaysia telah berjaya dibasmi sepenuhnya pada Oktober tahun 2000. Selain itu, penyakit-penyakit berjangkit lain seperti poliomyelitis, meningitis, difteria dan penyakit cegahan vaksin lain juga berjaya dikurangkan kadar kematian dengan immunisasi yang telah dijalankan diseluruh dunia. Terkini, vaksin untuk penyakit seperti cukugunya dan vaksin mencegah denggi juga berjaya dihasilkan untuk manfaat manusia. Dalam masa yang sama, pihak berautoriti seperti KKM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalankan tanggungjawab untuk memberi pencerahan dan kesedaran kepada orang ramai tentang vaksin (Utusan, 11-6 2014).

### **AGENDA ILLUMINATI DALAM PERUBATAN**

Walaubagaimanapun, terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab telah mengeksploitasi sains perubatan moden ini untuk kepentingan sendiri. Bagi menuju ke arah *New World Order* (NWO), pihak ini bukan sahaja berjaya menyusup masuk melalui cabang-cabang politik, ekonomi, sosial, sains dan teknologi tetapi juga terdapat agenda-agenda halus mereka melalui dunia sains perubatan moden. Perkara ini menyebabkan timbulnya konflik dalam kalangan masyarakat dunia khususnya umat Islam apabila berlaku pertembungan antara manfaat sains perubatan moden dengan agenda jahat Illuminati. Konflik ini menjadi semakin meruncing apabila agenda jahat ini telah cuba mengikis kepercayaan umat Islam terhadap agama yang mereka anuti.

Kita percaya bahawa kesihatan adalah perkara utama yang masyarakat ambil peduli berbanding perkara-perkara lain. Seseorang yang sakit akan berusaha sedaya upaya untuk mengubati penyakit yang dihadapinya tidak kerana berapa kos yang diperlukan. Dengan itu, terdapat juga tangan-tangan asing yang mengambil kesempatan di atas kesakitan yang dihadapi oleh kita. Mereka ini adalah ahli-ahli di dalam illuminati untuk menekan serta membunuh rakyat kebanyakan. Penjualan ubat-ubatan, vaksin, alatan perubatan, jantung tiruan, implant dan lain-lain lagi sudah pasti memerlukan belanja yang sangat besar. Keuntungan yang diambil berlipat kali ganda menjadikan mereka bertambah kaya dengan kesengsaraan orang lain. Kekayaan ini pula digunakan untuk menjayakan agenda Illuminati mereka dalam mengawal populasi penduduk dunia.

### **Virus AIDS**

Sejarah bermula apabila Dr. Robert MacMahan mendapat USD10 juta daripada kongres Amerika Syarikat untuk mengembangkan agen biologi yang tidak mempunyai imuniti semulajadi yang dapat melawannya. Matlamat ini adalah untuk mencipta kuman penyakit yang dapat mengurangkan populasi bangsa yang tidak diingini sebagai salah satu agenda New World Order (NOW). Ini disokong dengan kenyataan dari Robert McNamara (Presiden Bank Dunia) mengatakan “Pertambahan penduduk adalah isu besar yang akan dihadapi pada tahun mendatang. Dua acara yang mungkin dapat mencegah keadaan ini daripada berlaku ialah dengan menurunkan kadar kelahiran atau meningkatkan kadar kematian.”

Virus HIV atau AIDS ini tercipta pada akhir tahun 1977 dan ada juga yang mengatakan telah wujud lebih awal lagi sekitar tahun 1957. Virus ini telah digunakan dengan menjalankan ujikaji suntikan vaksin yang dicemari virus HIV ini kepada ratusan ribu orang kulit hitam di Afrika. NWO sentiasa berjaga-jaga dengan pertambahan penduduk kulit hitam. Dalam skala global 70% yang dijangkiti AIDS berada di pinggir Sahara dan Afrika. Di Zambia dianggarkan 4-20 juta orang sudah maut sementara 30-75 juta masih dijangkiti AIDS.

Apabila AIDS ini telah menular dengan meluas, maka ada tangan-tangan lain pula datang kononya membantu mengubati penyakit ini dengan mengenakan bayaran yang tinggi. Universiti Yale serta Bristol Myers menyimpan ubat utama kepada penyakit ini (Zerit). Sehingga 1998 Universiti Yale mendapat royalti sehingga USD 40 juta untuk ubat tersebut. Bristol Myers menjual Zerit dengan margin keuntungan USD 1,000 seorang. Bagaimanapun, syarikat dari India, Cipla menawarkan ubat yang sama hanya dengan margin USD40 setahun untuk seorang. Kesannya, syarikat tersebut telah dilarang menjual ubat tersebut. Begitu juga berlaku kepada Merck & Co., mereka pula adalah penyimpan paten ubat AIDS sedangkan mereka juga sebelum ini terlibat dalam pembangunan senjata biologi dan kimia sejak tahun 1940-an. Syarikat-syarikat ini mengaut keuntungan berlipatkali ganda di atas penderitaan manusia.

Walaupun bagaimanapun, ubat ini berfungsi untuk memanjangkan usia penyakit dengan bertahan bukan menyembuhkan. Oleh itu, walau berbagai jenis ubat yang diambil sekali pun, kematian pasti akan berlaku. Penularan akan semakin bertambah disebabkan AIDS adalah penyakit berjangkit. Amerika Syarikat adalah tunjang utama yang menjalankan propaganda berkenaan mengawal populasi demi keselamatan nasional mereka. Sejak dari keluarga Bush lagi, mereka bercita-cita untuk mengurangkan jumlah penduduk yang ‘berpotensi rendah’ di negara-negara dunia ketiga. Dan tidak mustahil selepas ini kita akan mendengar pelbagai jenis nama-nama penyakit terbaru dalam memastikan agenda ini tercapai. (Jerry D. Gray, 2015: 73)

### **Pengaruh Illuminati Menguasai Dunia**

Dalam menguasai dunia ini, Illuminati telah mengambil pendekatan dengan merosakkan golongan muda. Kerosakan yang dilakukan bukannya dengan membunuh mereka tetapi memberi keseronokan yang melampau dan menjadikan mereka rosak sikit demi sedikit. Pendekatan yang diambil adalah dengan memberi kelekakan golongan muda dengan ketagihan arak, rokok dan dadah. Ini berbalik kepada agenda kesihatan illuminati seperti yang dibincangkan dalam bab 1.2 kertas kajian ini. Imam Ghazali juga telah berpesan “Jika kamu ingin melihat kemajuan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda pemudinya”. Serangan kepada golongan ini menjadikan mereka golongan yang lemah serta tidak mampu untuk melawan musuh.

### **Ketagihan Arak**

Ketagihan terhadap arak dan dadah dapat dilihat pada kejayaan syarikat pengeluar arak yang terbesar iaitu AB Inbev. Syarikat ini menjadi pengeluar terbesar dengan penjualan melebihi 100 buah negara dan 400 jenama arak. Kejayaannya adalah datang juga dari pelbagai faktor seperti iklan, pemasaran, dan juga ketagihan terhadap arak itu sendiri. Melalui laman sesawangnya iaitu “<http://www.ab-inbev.com/>”, slogan yang

digunakannya adalah “*Bringing people together for a better world*”. Adakah dengan meminumnya akan menjadikan kita lebih sihat?

Dr. Danial Zainal Abidin (2015: 97) telah membicarakan mengenai kesan arak ini terhadap kesihatan jantung manusia, beliau mengatakan bahawa sesetengah pakar perubatan menyarankan untuk meminum arak dengan kadar yang sedikit kerana bermanfaat kepada jantung. Oleh itu mereka berpendapat dengan meminum 1-2 gelas arak sehari dapat memelihara kesihatan jantung. Akan tetapi kenyataan ini telah menyanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Dr. James H. Stein dari Fakulti Perubatan Universiti Wisconsin. Kajiannya mendapati arak atau alkohol ini sebenarnya melemahkan otot-otot jantung, mengganggu proses pengepaman darah dan menaikkan tekanan darah (Mohamad Kamal, 2001: 76). Begitu juga fakta yang ditemui melalui kajian 2014 di John Hopkins Medicine mendapati bahawa antioksidan dalam arak iaitu *resveratrol* tidak membantu sedikit pun sakit jantung, ataupun kanser (<http://www.hopkinsmedicine.org>, 2014).

Bukan itu sahaja, kajian oleh WHO sendiri pada tahun 2011, menunjukkan pada tahun 2009 seramai 2.5 juta kematian telah dicatatkan disebabkan masalah alkohol (Sy Kraft, BA, 2011). Ia termasuklah kemalangan trafik, melecur, keracunan, jatuh, dan lemas. Semuanya disebabkan pengambilan alkohol yang berlebihan dan menjadikan AIDS jatuh ke tangga kedua dengan 2.1 juta kematian pada 2009. Ini juga disokong oleh kajian dari *Centre for Disease Control and Prevention*, 10% kematian dikalangan dewasa yang bekerja di Amerika Syarikat adalah disebabkan pengambilan alkohol yang berlebihan. (<http://www.cdc.gov/pcd/issues/2014>)

### **Ketagihan Merokok**

Tembakau mula diperkenalkan pada abad keenam belas apabila pengembara *Jean Nicot* dari Perancis mula mempopularkannya. Pada mulanya tembakau dihisap menggunakan paip dan digunakannya sebagai ubat. Kemudiannya, ia dipopularkan dengan menjadikan tembakau ini dalam bentuk rokok dibawah tajaan baron tembakau yang terkenal, James Buchanan (Danial Zainal Abidin, 2015: 76). Semua sudah maklum bahawa kandungan bahan kimia yang berbahaya di dalam rokok boleh memudaratkan kesihatan manusia. Salah satu bahannya adalah minyak tar yang digunakan untuk membuat jalan raya. Adakah kita sanggup untuk memasukkan tar ke dalam paru-paru kita?

Pelbagai kempen telah dijalankan oleh pelbagai pihak samaada secara langsung mahupun tidak langsung terhadap keburukan merokok ini. Tetapi masih lagi tidak dapat membendung perkara ini daripada berlaku. Di tambah pula majlis fatwa kebangsaan juga telah mengeluarkan fatwa bahawa keharaman hukum menghisap rokok sejak tahun 1995 lagi, kerana keburukannya melebihi daripada kebaikan yang terdapat di dalam rokok ini. Justeru itu, bagi mereka yang masih menghisap rokok terutamanya orang Islam, maka ia jatuh hukumnya haram kerana tidak meninggalkan perkara yang haram. Sementara itu, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin berkata, rokok tetap haram hukumnya walaupun fatwa tidak menggariskan mengenai wujudnya DNA babi di dalam puntung rokok (Noor Ainulyakin & Mohamad Ishak, 2014).

Dari segi perubatan juga, merokok telah terbukti membahayakan kesihatan terutamanya pada bahagian paru-paru penghisapnya. Paru-paru adalah kawasan di mana proses pemindahan gas oksigen ke dalam darah untuk memberikan setiap anggota mendapat oksigen yang mencukupi dan juga tempat untuk menapis sebarang bahan yang tidak diperlukan. Sekiranya penapisan asap rokok ini begitu lama berlaku, ini akan menyebabkan paru-paru manusia akan menjadi hitam disebabkan pertambahan tar yang masuk melalui asap rokok. Seterusnya, apabila keadaan ini terus dilakukan, bukan sahaja boleh menyebabkan seseorang itu menghidap kanser paru-paru, malah sakit jantung, asma, strok, dan radang saluran pernafasan. Merokok bukan sahaja memudaratkan kesihatan, malah juga pembaziran kerana membeli sesuatu yang tidak berfaedah dan membahayakan diri.

Kenapa penghisap rokok sukar berhenti daripada menghisapnya? Ini adalah kerana salah satu bahan di dalam rokok iaitu nikotin yang boleh menyebabkan ketagihan. Nikotin juga adalah sejenis dadah berbahaya yang setanding dengan dadah heroin dan kokain. Apabila seseorang menghisap rokok, dadah nikotin menyerap masuk ke dalam darah dan mempengaruhi otak di dalam masa 7 saat dan apabila amalan ini berterusan, ketagihan akan menguasai dirinya (<http://news.bbc.co.uk/english/health>). Kesannya bukan sahaja ke atas si penghisapnya tetapi juga boleh memberi kesan kepada orang yang berada di sekitarnya. Apatah lagi jika terdapat bayi atau kanak-kanak yang berada berdekatan dengan tempat merokok itu, ini kerana mereka yang terdedah kepada asap rokok akan mempunyai risiko yang tinggi menghidap penyakit radang paru-paru atau pneumonia. Adakah kita masih lagi hendak merokok?

Sekiranya kita perhatikan secara teliti kita akan mendapati bahawa terdapatnya unsur illuminati yang meresap masuk ke dalam perbuatan merokok ini sepertinya asap yang masuk ke dalam paru-paru. Sudah terbukti yang rokok ini memudaratkan, tetapi bagaimana ianya masih lagi dijual secara berleluasa dan tiada apa-apa tindakan yang dikenakan ke atas syarikat atau pengedarnya. Walaupun cukai dikenakan sangat tinggi kepada syarikat pengeluarannya, ia tidak menjejaskan jumlah penghisapnya kerana ketagihan telah berlaku. Syarikat pengeluar rokok yang terbesar dunia adalah Philip Morris sebelum ditukarkan kepada nama Altria Group pada tahun 2003. Ianya diketuai oleh Michael Szymanczyk seorang yang berbangsa Yahudi.

Centre for Public Integrity, Amerika Syarikat (AS) mendedahkan bahawa Altria Group membelanjakan hampir US\$101 juta untuk melobi ketika pilihanraya presiden AS dari 1998 hingga 2004. Pelaburan untuk melobi ini sebenarnya dapat membantu syarikat ini untuk terus kekal menjual rokok walaupun terdapat halangan dari NGO dan beberapa organisasi. Hubungan yang erat dengan kuasa polis dunia (AS) itu akan menjadikan mereka kebal dari apa-apa tindakan pihak luar untuk menjatuhkannya. Dengan pendapatan sebanyak US\$8.9 bilion melalui pengeluaran 850 bilion batang rokok di seluruh dunia menjadikan Altria Group sebuah syarikat gergasi dunia. Sesungguhnya apabila dapat menentukan siapa yang akan menjadi presiden AS dengan melobi, maka tidak dapat lari hubungan tersebut mempunyai kaitan dengan illuminati.

### **Bahan Makanan yang Berbahaya**

Dalam sedar tidak sedar kita sebenarnya dikelilingi dengan pelbagai perkara yang membahayakan kesihatan. Apabila sakit kita diberikan ubat yang mungkin membantu penyembuhan tetapi mempunyai kesan jangka panjang pula. Sekiranya penyakit itu telah kronik, kita diberikan pembedahan yang belum tentu akan sembuh malah melibatkan kos yang sangat tinggi. Keadaan ini menjadikan kita seperti dikawal oleh satu kuasa yang besar seperti robot yang dikawal oleh tuannya. Hidup semuanya telah diatur, walaupun perkara tersebut sebenarnya memberi kesan negatif kepada diri. Malah, hendak makan juga tidak selamat kerana terdapat bahan makanan yang berbahaya kepada kesihatan.

Kebiasaannya pada setiap bahan makanan yang diproses telah tercatat kandungan yang terdapat di dalamnya. Perhatikan setiap satu kandungan tersebut dan pastikan tidak terdapat beberapa bahan yang disebutkan (Jerry D. Gray, 2015: 182) seperti berikut:

- 1) **Acrylamides:** Toksik, iaitu bahan kimia penyebab kanser yang terbentuk dalam makanan apabila karbohidrat terdedah kepada haba yang tinggi.
- 2) **Aspartam:** Pemanis kimia yang menyebabkan gangguan neurologi, sawan, penglihatan kabur dan migraine.
- 3) **BPA (Bisphenol-A):** Protein yang diproses mengandungi glutamat bebas dan yang digunakan bagi meniru perasa bahan kimia monosodium glutamate (MSG)
- 4) **Casein:** Protein susu, digunakan secara meluas dalam keju soya kerana didakwa menjadi alternatif kepada susu lembu.
- 5) **Sirap jagung:** Gula cecair yang diproses, diekstrak dengan kimia pelarut glutaraldehid dan sering dicemari dengan merkuri. Ia juga dikaitkan dengan

- gangguan kencing manis, obesity, dan gangguan emosi. Ia digunakan dalam beribu-ribu barangan runcit termasuk sos pizza dan salad.
- 6) **Asid fosforik:** Asid yang digunakan dalam soda bagi melarutkan karbon dioksida dan menambah gas di soda. Asid fosforik mampu memakan besi. Ia juga digunakan oleh tukang batu bagi menggores batu. Pihak tentera menggunakannya bagi membersihkan karat di luar kapal perang.
  - 7) **Sodium (Garam):** Garam putih yang diproses dengan kekurangan mineral surih. Di dalam industry pemakanan holistic, penulis menggelarnya garam maut kerana ia menggalakkan kematian dan penyakit. Garam yang sebenar adalah seperti garam laut masin ataupun garam Himalaya merah jambu, kaya dengan mineral bagi mencegah penyakit. Sama seperti roti dan gula, garam putih tidak baik untuk kesihatan.
  - 8) **Gula:** Hasil sampingan tidak berkhasiat daripada pemprosesan tebu yang diputihkan. Semasa pemprosesan tebu, hampir semua mineral dan vitamin berakhir di dalam molasses berstrap hitam yang baik untuk haiwan ternakan untuk terus hidup. Gula menggalakkan kencing manis, obesity, gangguan emosi dan malnutrisi.

Terdapat banyak lagi bahan makanan yang sebenarnya tidak bagus untuk badan dan kesihatan kita. Dan bagaimana agenda illuminati menipu kita dengan menyembunyikan kebenaran terhadap setiap satu makanan yang kita makan. Termasuklah dengan meletakkan nama saintifik yang mengelirukan pengguna, ataupun meletakkan 3 jenis komponen gula seperti sirap jagung, sirap jagung pepejal, dan gandum, padahal yang sebenarnya adalah gula putih. Kebanyakan pengguna tidak memikirkan atau mengambil peduli dengan setiap satu bahan ini asalkan ianya sedap dimakan sahaja. Begitu juga MSG menjadi pilihan kepada pengguna untuk memasukkan ke dalam masakan agar menjadi sedap. Pengaruh iklan juga rancak dalam menjadikan bahan ini sedap dan keperluan untuk semua jenis masakan. Jadi agenda illuminati telah berjaya dalam mempengaruhi kesihatan manusia melalui pemakanan.

### SIKAP MUSLIM DALAM MENANGANI KONFLIK

Dalam menghadapi konflik ini, menerusi gesaan wahyu Allah SWT menggariskan beberapa langkah kepada umat Islam agar kita dapat bertindak dengan bijak berpandukan wahyu daripada-Nya serta contoh tauladan yang boleh kita ikuti daripada Rasulullah SAW. Antara sikap yang perlu diambil oleh Muslim adalah dengan mengamalkan sikap kesederhanaan dalam kehidupan, menggunakan akal dengan bijaksana dalam menilai sesuatu konflik atau isu, sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati terhadap orang kafir, berusaha untuk bangkit dan bermujahadah bagi menyaingi Barat dari pelbagai sudut ilmu, mengukuhkan aqidah Islam dalam diri dan keluarga serta berusaha mengamalkan perubahan alternatif dalam kehidupan seharian.

### Mengamalkan Sikap Bersederhana (*Wasatiyyah*)

Kesederhanaan dalam semua perkara sebagai suatu sikap yang sangat diperhatikan oleh Islam dan galakan wahyu mengenai perkara ini ditegaskan dalam firman Allah SWT:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾

Maksudnya: "Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu (umat islam) "umat pertengahan" agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu" (Al-Quran. Al-Baqarah: 143).

Dari segi bahasa, wasatiyah berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud kebajikan, pertengahan, keadilan, kebaikan dan perantaraan (Ibn Manzur, t.t. Jld.7, 426). Manakala, dari segi istilah, Muhammad Qutb mendefinisikan wasatiyah sebagai keseimbangan. Keseimbangan di antara kemampuan fizikal, mental dan spiritual. Menurut Muhammad 'Imarah, wasatiyah bermaksud kebenaran di antara dua

kebatilan, dan keadilan di antara dua kezaliman dan pertengahan di antara dua sudut yang melampau (Ibn Manzur, t.t. Jld.7, 19). Umat Islam digalakkan untuk mengamalkan sikap bersederhana dalam setiap tindakan atau amalan. Ummatan wasathan bermaksud ummat pertengahan, yakni mereka yang mengamalkan prinsip tidak terlalu berlebihan dan tidak terlalu memudahkan atau mengambil ringan sesuatu amalan atau perkara. Selagi perkara dan ilmu tersebut tidak melanggar hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT dan ianya membawa manfaat kepada Islam, perkara tersebut dibolehkan malah digalakkan untuk menggunakannya (Azyati Azhani Mohd Marzuki et.al., 2013: 1-15).

Dalam isu vaksin sebagai contoh, memang diakui bahawa wujudnya keraguan dalam kalangan umat Islam khususnya berkaitan dengan kandungan yang terdapat dalam vaksin yang diberikan. Namun, pihak kerajaan telah mengarahkan supaya Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia mengeluarkan fatwa mengenai vaksin. Sebagai orang awam, kita sepatutnya mengambil pendekatan mendengar nasihat oleh mereka yang lebih berautoriti seperti pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan (Irsyad Fatwa ke-30, 2013) berkaitan vaksin berbanding mengambil maklumat yang tidak tepat dari sumber yang diragui. Kita perlulah bersikap adil dengan mendapatkan maklumat yang terbaik daripada yang pakar sebelum membuat sesuatu keputusan untuk menerima atau menolak vaksin. Disinilah sikap kesederhanaan perlu dipraktikkan oleh Muslim dan tidak terburu-buru untuk menolak sesuatu yang terbukti bermanfaat dengan mendapatkan pencerahan yang sewajarnya (Irwan Mohd Subri, 2016: 57-77).

Walaubagaimanapun, vaksin adalah harus hukumnya dan terpulang kepada individu sama ada hendak menerima atau menolak. Ramai ulama bersependapat bahawa vaksin dibenarkan untuk digunakan oleh masyarakat Islam untuk kebaikan sejagat kerana ianya adalah satu keperluan dalam menjaga maslahat umat. Sebagai contoh, negara Arab Saudi mengenakan vaksin meningitis untuk mengelakkan jemaah haji daripada mendapat bakteria meningitis yang telah membunuh Jemaah haji saban tahun.

### **Menggunakan Akal dengan Rasional dalam Menilai Masalah atau Konflik**

Islam menganjurkan umatnya untuk berfikir secara rasional dan bijaksana agar tidak mudah terperangkap dengan pandangan dangkal orang lain. Mereka yang berfikir dengan bijaksana akan dapat melihat sesuatu masalah dalam konteks yang lebih luas dan memiliki pandangan yang lebih jauh terhadap sesebuah masalah. Tetapi pemikiran berasaskan akal tidak cukup untuk memahami diri, persekitaran, alam dan kehidupan apalagi perkara-perkara yang ghaib. Allah memberikan kita pedoman al-Quran yang terkandung hikmah bagi memimpin akal supaya pemikiran terarah dan mendapat makna yang betul (Sidik Baba, 2016: 12). Apabila umat Islam mengamalkan untuk berfikir secara rasional dan bijaksana, maka kita akan berupaya membezakan masalah dengan sebaiknya.

Sebagai contoh, dalam kes Turing Pharmaceuticals AG, sebuah syarikat pengeluar vaksin terkemuka dunia yang telah menaikkan harga jualan ubat yang boleh merawat pesakit yang mempunyai daya tahan imuniti yang redah seperti AIDS sebanyak 5000% dan juga kes Valeant Pharmaceutical yang menaikkan harga ubat jantung sebanyak 500%. Jika dinilai secara kritis, kedua-dua kes ini sebenarnya adalah berkait rapat dengan sifat kapitalisme dan monopoli dalam jualan oleh kedua-dua syarikat, dan mereka sepatutnya dihukum atas sifat tersebut oleh undang-undang. Manakala, ubat-ubatan yang dikeluarkan adalah berkesan untuk penyakit-penyakit tersebut, maka masyarakat boleh menggunakan ubat tersebut dan tidak perlu memboikot (Rafidah Hanim Mokhtar, 2016: 2).

Masalah kapitalisme ini juga secara tidak langsung wujud dalam kes perubatan tradisional khususnya di negara kita serta jualan barangan yang bersulamkan ayat-ayat al-Quran. Ini dapat dilihat apabila perubatan dan barangan ini diletakkan harga yang sewenangnyanya oleh pengeluar dan pengamal perubatan. Oleh yang demikian, umat Islam

seharusnya bijak menilai sesuatu konflik dan mempertimbangkan tindakan kita agar tidak merugikan umat dari sudut kesihatan dan keilmuan.

### **Sentiasa Mengamalkan Sikap Berhati-Hati terhadap Musuh Islam**

Allah SWT sentiasa mengingatkan umat Islam agar berhati-hati terhadap musuh-musuh Islam. Ini kerana dalam segenap perkara, mereka akan cuba memperdayakan kaum Muslimin sehingga terpaksa mengikuti jalan mereka. Maksud firman Allah SWT:

﴿وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ﴾

Maksudnya: "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka." (Al-Quran. Al-Baqarah: 120).

Orang-orang Yahudi dan Nasara tidak akan sesekali redha sehingga Islam mengikut jalan mereka. Mereka akan berusaha memisahkan umat Islam dari ajaran Islam yang sebenar dengan cara menyebarkan indoktrinasi bahawa semua agama adalah sama. Apabila umat Islam mengakuinya maka itu sudah cukup bagi mereka. Sebab itulah Allah menggunakan perkataan "millah" dalam ayat ini yang bermaksud jalan, pola hidup, atau cara berfikir. Mereka akan berusaha sedaya upaya untuk menyesatkan umat Islam baik secara terang-terangan atau tersembunyi. Merujuk kepada protokol Yahudi, agenda-agenda yang digariskan adalah jelas untuk menguasai umat manusia. Agenda Yahudi ini telah didedahkan oleh Victor E. Marsden, (1970).

Oleh itu, perlu kita fahami bahawa, musuh Islam sedang menyerang umat Islam dari pelbagai sudut, dan bukan hanya serangan secara senjata fizikal tetapi juga dengan serangan-serangan *ghazwatul fikr* (serangan pemikiran) (Hamdan Muhammad, 2011). Serangan-serangan ini telah melangkaui sektor ekonomi, politik, budaya dan sosial, serta sains termasuklah ilmu sains perubatan juga turut digunakan terhadap umat Islam. Sebab itu kita dituntut untuk berhati-hati dengan setiap apa yang dihasilkan oleh Barat terutamanya serta membuat tapisan atau kajian yang sewajarnya agar ia sesuai digunakan oleh masyarakat Muslim. Sebagai contoh, pihak Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta badan-badan berautoriti telah menjalankan kajian terhadap kandungan vaksin sebelum menggalakkan orang ramai menggunakannya. Ini adalah untuk memastikan agar kandungan vaksin yang digunakan oleh majoriti umat Islam di Malaysia terutamanya adalah bebas daripada bahan yang haram.

### **Berusaha Memajukan Ummah Untuk Menyaingi Barat dan Yahudi**

Dalam semua aspek kehidupan termasuklah dalam ilmu perubatan moden. Islam tidak menghalang kemajuan. Islam juga tidak menolak ilmu dari Barat mahupun Timur. Tetapi, Islam mengajar umatnya supaya ilmu yang diperolehi perlulah disesuaikan mengikut acuan Islam itu sendiri. Firman Allah SWT:

﴿صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عِبْدُونَ﴾

Maksudnya: "Shibghah (Celupan) Allah. Dan siapakah yang lebih baik shibghahnya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nya-lah kami menyembah." (Al-Quran. Al-Baqarah: 138).

Asas kemajuan saintifik dalam tradisi Islam berasaskan nilai-nilai murni dan juga etika yang baik. Sandaran nilai-nilai murni datangnya dari al-Quran dan sunah Nabi dan sandaran etika yang baik datangnya dari ajaran Islam yang menganjurkan amanah, keikhlasan, kejujuran, keadilan, bijaksana, sifat syukur dan lain-lain. Asas nilai dan etika yang dijadikan pedoman berfikir dan melakukan kajian saintifik akan membimbing manusia dekat kepada Pencipta dan memanfaatkan rahmat dan nikmat Allah SWT yang banyak untuk kesejahteraan manusia. Bukan melakukan monopoli atau eksploitasi yang menyebabkan manusia menderita. Acuan kita sendiri tidak menolak kebaikan yang terdapat dari Barat dan Timur tetapi harus ada upaya yang kreatif membangunkan

sumber ilmu, sains dan teknologi supaya ia tidak bertentangan dengan faktor maqasid Syariah (Sidek Baba, 2006: 12).

Kita seharusnya lebih bijaksana untuk menerima sesuatu dari Barat secara melulu sebaliknya dengan kekuatan kefahaman mengenai tasawwur, sejarah dan tamadun Islam, umat Islam akan terus terpandu untuk memanfaatkan faedah berbanding yang terbaik dari Barat dan Timur dan mengungkapnya kembali dalam acuan sendiri secara bijaksana supaya manfaatnya tidak saja menyumbang kepada pembangunan diri tetapi juga kepada negara, umat dan manusia seluruhnya.

### **Mengukuhkan Akidah Islamiah dalam Diri dan Masyarakat Muslim**

Umat Islam mesti sentiasa berusaha untuk mengukuhkan akidah dalam diri. Pengukuhan akidah ini sangat penting bagi memastikan kita tidak mudah terpesong terutama dengan kehebatan sains dan teknologi pada hari ini. Menerusi aktiviti sains dan teknologi hari ini, manusia boleh memanipulasi pelbagai perkara dan situasi.

Bencana seperti gempa bumi, tsunami, banjir besar dan pelbagai fenomena alam dapat dicipta oleh manusia untuk tujuan-tujuan tertentu dan untuk kepentingan individu terutamanya pihak Illuminati. Reka cipta teknologi dibangunkan untuk mendominasi sehingga mengundang bencana, namun mereka menyalahkan Tuhan dengan alasan akibat fenomena alam, sedangkan mereka secara jelas menggunakan teknologi dengan melanggar etika yang mesti dipatuhi. Tidak terkecuali dalam sains perubatan hari ini kerana kebanyakan teknologi moden telah dibangunkan pihak Barat.

Oleh itu, sangat penting bagi Muslim untuk mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT agar tidak takjub dengan kecanggihan teknologi ini. Beberapa cara yang boleh dilakukan dalam usaha untuk mengukuhkan aqidah dalam kalangan masyarakat Islam. Sebagai contoh, melalui keluarga, sistem pendidikan, kerajaan, institusi-institusi Islam seperti masjid dan pertubuhan-pertubuhan. Kesemua ini perlulah memainkan peranan masing-masing agar benteng aqidah umat Islam semakin kukuh.

### **Mengamalkan Perubatan Islam dan Alternatif (Tradisional)**

Perubatan moden yang berlandaskan disiplin ilmu yang betul serta patuh syarak adalah merupakan perubatan Islam. Malah, elemen untuk spiritual seperti amalan ayat-ayat rukyah serta solat yang dilakukan membezakan perubatan Islam dengan bukan Islam. Perubatan Islam yang berorientasikan amalan ayat-ayat rukyah bersumberkan al-Quran dan hadis-hadis telah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. (Irwan Mohd Subri, 2016: 57-77).

Selayaknya, amalan perubatan Islam mestilah diamalkan oleh masyarakat Islam dengan bersungguh-sungguh kerana nilai spiritual yang ada di dalamnya amat dititikberatkan. Menurut Azizan Baharudin (1993), perubatan Islam merupakan manifestasi budaya Islam terbaik dalam aspek spiritual, moral dan nilai etikanya manakala Roland Werner (1983) berpendapat bahawa perubatan Islam adalah satu cara yang dipraktikkan oleh Muslim untuk menangani masalah penyakit dan kesihatan yang selari dengan pandangan bahawa Tuhan, manusia, alam dan masyarakat saling berkait rapat antara satu sama lain dengan cara yang lebih harmoni. Dalam Tib Nabawi, ada tiga pendekatan yang digunakan dalam kaedah rawatan Islam iaitu; (1) melalui ubat-ubatan (fizikal), (2) melalui ubat-ubatan kerohanian (metafizik) dan (3) melalui hasil gabungan kedua-dua unsur fizikal dan metafizik Mohd Muhiden Abd Rahman, (1998: 185-192).

Selain itu, kita juga disarankan untuk menggunakan ubat-ubatan dari bahan semulajadi serta bebas kimia untuk mengelakkan daripada kesan sampingan yang tidak baik untuk manusia. Perubatan tradisional ini biasanya mengikut budaya serta pengalaman tertentu. Kaedah perubatan ini juga sepatutnya diamalkan oleh masyarakat pada hari ini kerana ianya tidak melibatkan kos yang tinggi. Penggunaan daun-daun herba yang mengandungi khasiat semulajadi sepatutnya diterokai dengan lebih mendalam oleh penyelidik-penyelidik dan keberkesanan secara saintifik perlu

didedahkan kepada masyarakat dan seterusnya mempromosikan penggunaan ubatan semualajdi ini sebagai perubatan yang setaraf dengan perubatan moden dari Barat.

## PENUTUP

Kesimpulannya, pertembungan manfaat sains perubatan dengan agenda sulit Barat dan Yahudi melalui sains perubatan hari ini menimbulkan konflik dan dilema masyarakat dunia khususnya umat Islam. Konflik yang tercetus ini merupakan satu bentuk mehnah dan tribulasi kepada dunia Islam. Walaubagaimanapun, Allah SWT telah memberikan panduan yang sewajarnya kepada orang Islam melalui al-Quran apabila berhadapan dengan masalah ini. Islam tidak menolak kecanggihan sains dan teknologi terutamanya dalam dunia perubatan tetapi ianya mestilah selari dan tidak melanggar syariat Islam. Malah, umat Islam sendiri digalakkan untuk mempelajari sesuatu ilmu walaupun ia dipelopori oleh non muslim kerana Islam sangat menghargai ilmu. Sehubungan ini Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَاَسْلَمُوْا اَهْلَ الدِّيَارِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ﴾

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutus sebelum kamu, kecuali orang-orang lelaki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui”. (Al-Quran. Al-Nahl : 43).

Menjelaskan hal yang berkaitan dengan urusan keduniaan Rasulullah s.a.w. bersabda:

{ قَالَ اَنْتُمْ اَعْلَمُ بِاَمْرِ دُنْيَاكُمْ }

Maksudnya: “Kamu lebih mengetahui urusan duniamu” (Riwayat Muslim, no. hadis: 4358).

Realiti hari ini, Barat telah mendahului umat Islam dalam sains perubatan moden bahkan lebih parah lagi apabila umat Islam sendiri yang begitu menjulang metod yang jelas berbeza bahkan juga keliru matimat akhirnya. Oleh yang demikian, umat Islam harus mendalami bidang perubatan bahkan perlu memiliki kepakaran serta menekuninya. Matlamatnya agar dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang perubatan jasmani mahupun rohani sehingga akhirnya mampu menjadi doktor pakar yang *haziq* (bijaksana dengan menguasai ilmu perubatan rohani dan jasmani) mengikut acuan Islam itu sendiri.

Sejarah juga memperlihatkan bahawa sarjana dan kedokteran Muslim antaranya tamadun di Andalusia menguasai dan mengadaptasi ilmu-ilmu daripada Yunani dan Greek yang berasal dari keilmuan Nabi Idris a.s. Natijah akhirnya mereka berjaya membina tamadun Islam Cordova yang hebat dan gemilang di persada dunia. Menerusi kebangkitan saintis Muslim adalah sangat diharapkan dapat melumpuhkan agenda jahat golongan illuminati dan elit global yang tidak bertanggungjawab dan rakus mendominasi dunia dan menghambakan penduduk planet bumi ini.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Azimah Mohd Masri, Syamilah Musa, Mohd Norzi Nasir. 2015. *World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)*

Azizan Baharuddin. 1993. “Unsur Rasional dan Spiritual di Dalam Perubatan Melayu”. Dalam Azizan Baharuddin (pnyt). *Perubatan Dan Kesihatan Di Kalangan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz & Ermy Azziaty Rozali. 2013. Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah. *International Journal of West Asian Studies*, 5(2), 1-15.

Ahmad Sunawari Long. 2006. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM.

- BBC News, *Treat Nicotine As A Hard Drug*. 8 Februari 2000. Diakses daripada <http://news.bbc.co.uk>. pada 9 November 2016.
- "*Contribution of Excessive Alcohol Consumption to Deaths and Years of Potential Life Lost in the United States*". 2014. Centers for Disease Control and Prevention. Diakses daripada <http://www.cdc.gov>. pada 9 November 2016.
- Danial Zainal Abidin. 2015. *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*. Edisi ke-2. Batu Caves: PTS Publication.
- "Hidup dengan jantung tiruan". 2012. Akhbar Utusan, 21 Oktober 2012.
- Hamdan Muhammad. 2011. *Siapakah Taghut?* Selangor: Jundi Resources.
- Hopkins Medicine. 2014. *Diets Rich in Antioxidant Resveratrol Fail to Reduce Deaths, Heart Disease or Cancer*. Diakses daripada <http://www.hopkinsmedicine.org>. pada 9 November 2016.
- Ibn Manzur. T.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Irsyad Fatwa ke-30: Hukum vaksin daripada perspektif islam. Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my>. pada 9 November 2016.
- Irwan Mohd Subri. 2016. *Pencegahan penyakit melalui kaedah pelalihan menurut perspektif Islam*. 'Ulum Islamiyyah Journal, 17, 57-77.
- Ismail Saad. 1992. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- i-Medik Kelantan. 2016. Imunisasi satu langkah pencegahan. Diakses daripada <https://imedikkelantan.wordpress.com>. pada 9 November 2016.
- Jerry D. Gray. 2016. *The Final Chapter: Hari-hari Terakhir Dunia*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Jerry D. Gray. 2015. *Art of Deception: Mereka Menipu Dunia*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Jerry D. Gray. 2015. *Deadly Mist: Agenda Amerika Merosakkan Kesihatan Dunia*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Jerry D. Gray. 2015. *Trust No One*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Mathew B Miles dan Micheal Huberman. 1984. *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hill: Sage Publication
- Mohamad Kamal Abd. Aziz. 2001. *Kesihatan Dari Segi Islam & Sains*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Muhiden Abd. Rahman. 1998. *Islam dan Perubatan: Satu Kajian Umum Mengenai Tib Nabawi*. *Jurnal Usuluddin*, 185-192.
- Noor Ainulyakin dan Mohamad Ishak. 2014. Haram jika terus merokok. Akhbar Sinar Harian 1 Jun 2014.
- Sy Kraft, B.A. 2011. *WHO Study: Alcohol Is International Number One Killer, AIDS Second*. Medical news today, 11 February 2011. Diakses daripada <http://www.medicalnewstoday.com> pada 9 November 2016.
- Sidek Baba. Hati-hati dengan proses pembaratan: Islam menghalang kemajuan. Diakses daripada <http://drsidekbaba.blogspot> pada 9 November 2016.
- Rafidah Hanim Mokhtar. 2016. *Virus Zika: Menggunakan akal dalam menilai teori konspirasi*. Diakses daripada <http://www.ismaweb.net> pada 9 November 2016.
- Roland Werner. 1983. *Transcultural Healing, The Whole Human*. Kuala Lumpur: University Malaya Press
- Imam. 2014. Umat Islam perlu yakin dengan Jakim dan KKM tangani isu vaksin. Utusan Malaysia 11 Jun 2014. Diakses daripada <http://ww1.utusan.com.my> pada 9 November 2016.
- Victor E. Marsden. 1970. *Protocols of the Meetings of the Elders of Zion*. Karachi.

#### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.

